

06 DEC 2001

Chong-Gabung

CADANGAN PENGGABUNGAN UPKO-PBRS SATU IDEA BAIK, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 6 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat hari ini berkata sebarang langkah untuk mengukuhkan kestabilan politik negeri ini termasuk cadangan penggabungan dua parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah, harus dialu-alukan.

"Mesti ada sebab baik untuk bergabung. Ia sepatutnya untuk tujuan yang lebih baik," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa induk Sukan Malaysia (Sukma) 2002, di sini.

Chong, yang juga pengerusi BN Sabah, berkata beliau menghormati apa juga keputusan dua parti Kadazandusun itu -- Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS).

UPKO diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok manakala PBRS diketuai oleh Menteri Pembangunan Sumber negeri Tan Sri Joseph Kurup.

Chong berkata cadangan penggabungan itu baik untuk Sabah dan dengan percubaan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula BN, arena politik negeri ini akan dapat distabilkan lagi.

Ditanya bila BN akan bertemu untuk membincangkan permohonan PBS menyertai semula BN, Chong said: "Saya baru baca dalam akhbar hari ini bahawa mesyuarat itu pada Ahad ini, tetapi saya belum terima notis (untuk menghadiri mesyuarat)."

Sebuah akhbar harian, yang memetik kata-kata sumber, melaporkan bahawa mesyuarat bagi membincangkan permohonan PBS akan diadakan di Kuala Lumpur pada Ahad ini.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan mengemukakan permohonan rasmi parti untuk penyertaan semula dalam BN kepada Perdana Menteri dan pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Putrajaya, bulan lepas.

-- BERNAMA

JS JS NAK